


**PERSEPSI PARA AKADEMIK ITM CAWANGAN PANTAI  
TIMUR (TERENGGANU, KELANTAN DAN PAHANG)  
TERHADAP KEPERIBADIAN PELAJAR DARI SUDUT  
AKADEMIK DAN SOSIAL**



**BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN INSTITUT  
TEKNOLOGI MARA 40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NORAZMAN HARUN  
AZEMI CHE HAMID  
JAMALUDIN AKBAR**

**MEI 1999**

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, Laporan Kajian Persepsi Para Akademik ITM Pantai Timur ( Terengganu, Kelantan dan Pahang ) Terhadap Keperibadian Pelajar dari Sudut Akademik dan Sosial telah dapat disiapkan dengan cemerlang dalam jangka masa yang ditetapkan.

Kajian dijalankan ke atas 189 orang para akademik yang bertugas di tiga ITM Pantai Timur dengan menggunakan kaedah rawak berstratum bernisbah. Data kemudiaannya dianalisis dengan menggunakan beberapa cara iaitu frekuensi dan juga chi-square dan dipersembahkan melalui bab-bab tertentu. Bab terakhir dibuat cadangan berasaskan kepada pemahaman pengkaji berhubung dengan kajian.

Kami mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak ITM Pantai Timur , terutama Provos dan kakitangannya kerana memberi bantuan secara langsung mengenai kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada para akademik yang sudi menjadi responden kajian.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Kamarul Arifin bin Yusof kerana sudi menyertai kami sebagai Pembantu Penyelidik untuk kajian tersebut. Akhirnya diucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Norazman Harun  
Azemi Che Hamid  
Jamaludin Akbar

## **KANDUNGAN**

	Halaman
Surat Tawaran Penyelidikan	i
Surat Penyerahan	ii
Daftar Ahli Penyelidik	iii
Penghargaan	iv
Kandungan	v
Senarai Jadual	xv
Senarai Rajah	xxvi
Ringkasan Eksekutif	xxvii

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 .Pendahuluan	1
1.2. Sejarah Ringkas Institut Teknologi Mara ITM	1
1.2.1. Dewan Latihan RIDA	1
1.2.2. Majlis Amanah Rakyat ( MARA ) dan Maktab Mara	3
1.2.3. Institut Teknologi Mara ( Oktober 1967 )	4
1.2.4. ITM pada hari ini	5
1.3. Falsafah, Dasar, Matlamat dan Strategi ITM	6
1.3.1. Falsafah	6
1.3.2. Wawasan 2020 ITM	6
1.3.3. Misi ITM	6
1.3.4. Objektif Akademik ITM	7
1.4. ITM Pantai Timur	7
1.4.1. ITM Cawangan Terengganu	7
1.4.1.1. Kursus-kursus Yang Ditawarkan	9
1.4.1.2. Jumlah Pelajar	10

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **1.0. Pengenalan**

- 1.1. Kajian persepsi terhadap keperibadian pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia sangat kurang dijalankan.
- 1.2. Kajian ini menumpukan kepada persepsi para akademik ITM Pantai Timur terhadap keperibadian pelajar di bidang akademik dan sosial di tiga cawangan ITM iaitu ITM Cawangan Terengganu, Kelantan dan Pahang.
- 1.3. Objektif kajian adalah untuk :
  - a) Menilai persepsi para akademik mengenai keperibadian pelajar dari sudut akademik dan sosial.
  - b) Mengenalpasti penemuan-penemuan baru yang boleh digunakan bagi menangani masalah pembelajaran di ITM amnya.
- 1.4. Skop kajian hanya tertumpu kepada para akademik di ITM Pantai Timur yang mengajar pelajar sesi Disember 1998.

### **2.0. Ulasan Karyawan**

- 2.1. Bab ini menceritakan mengenai penemuan-penemuan lepas yang di perolehi dari data sekunder mengenai tajuk yang di pilih.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1. Pendahuluan**

Kajian terhadap keperibadian pelajar Institut Teknologi MARA (ITM) masih kurang dibuat. Lantaran kesedaran ini, satu kajian dibuat bagi menilai isu tersebut terutama daripada sudut akademik dan sosial pelajar. Walau bagaimanapun, sebagai permulaan kajian ini lebih menumpukan kepada pelajar-pelajar sesi Mei 1998 bagi cawangan-cawangan ITM Pantai Timur iaitu ITM Cawangan Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Kajian persepsi para akademik terhadap keperibadian pelajar daripada sudut akademik dan sosial ini diharap dapat menghasilkan penemuan-penemuan yang dapat membantu pihak pengurusan ITM cawangan-cawangan berkenaan khususnya dalam menangani permasalahan kecemerlangan akademik dan sosial pelajar.

#### **1.2. Sejarah Ringkas Institut Teknologi MARA.**

Sejarah Institut Teknologi MARA bermula pada tahun 1956 dengan penubuhan Dewan Latihan RIDA, sebuah pusat percubaan yang menyediakan kursus persediaan bagi belia- belia luar bandar yang berpendidikan Inggeris.

##### **1.2.1. Dewan Latihan RIDA (1956-1965)**

Dewan Latihan RIDA diilhamkan oleh Y.B. Datuk Onn bin Jaafar, berikutan lawatan beliau ke Ceylon ( kini Sri Lanka ) pada tahun